

Dadah jadi industri di Indonesia

» Bilangan penagih dijangka capai 4.6 juta akhir tahun ini

► Jakarta

Pengedaran dan penagihan dadah di Indonesia mencapai 'tahap mencemaskan' dengan bilangan penagih dijangka mencecah 4.6 juta akhir tahun ini jika tiada langkah diambil bagi menanganinya.

Keseimbangan utama ialah pengedaran berleluasa dadah metafetamin kristal yang murah dan mudah dihasilkan, kata ketua Agensi Narkotik Kebangsaan (BNN), Anang Iskandar.

"Tidak keterlaluan untuk me-

nyatakan bahawa Indonesia menghadapi keadaan mencemaskan dalam isu salah guna dadah," katanya.

Data terbaru menunjukkan Indonesia mempunyai 3.8 juta penagih dadah pada 2011, meningkat daripada 3.6 juta pada 2008 dan 3.2 juta pada 2004.

Pelajar kolej

Daripada angka berkenaan, 60 peratus penagih metafetamin manakala pengguna ecstasy berusia di bawah 30 tahun, ramai daripada mereka pelajar kolej.

Indonesia adalah negara keempat paling ramai penduduk di

INFO

Bilangan penagih

- 3.8 juta penagih dadah pada 2011
- 3.6 juta penagih dadah pada 2008
- 3.2 juta penagih dadah pada 2004

dah dalam penjara bersama se-orang rakyat Nigeria.

Tan yang dihukum penjara tujuh tahun atas kesalahan dadah dituduh mengendali pengedaran

dadah dengan 240 juta orang.

Lewat bulan lalu, polis berkata, banduan warga Singapura, Tan Swee Koon, 36, disiasat kerana mengusahakan sindiket dadah dalam penjara bersama se-

dadah itu oleh pengedar yang ditahan di Jakarta baru-baru ini.

Banyak kelab malam

Kebanyakan tempat pengeluaran haram dadah terletak di Jakarta Barat kerana ada banyak kelab malam di sana.

Banyak tempat pengeluaran itu bersaiz kecil bertempat di rumah bagi mengelak dikesan.


Pihak berkuasa juga mengesan

tempat pengeluaran di Batam, satu kawasan penyeludupan utama.

Anang berkata, semua orang perlu terbabit dalam usaha memerangi pengedaran dadah termasuk dalam pemulihan penagih.

Paling penting, katanya, ialah masyarakat perlu memberi maklumat kepada pihak berkuasa jika ada aktiviti dadah di tempat mereka.

AGENSI



Polis narkotik Indonesia mengawal beberapa orang **disyaki pengedar dadah** ditahan dalam serbuan di Jakarta.

FOTO AFP